

# FRASA ANOMALI: SATU ANALISIS PRAGMATIK

*Hasmidar Hassan*

## **Abstrak**

Kajian makna yang berlandaskan pendekatan semantik yang memerikan makna secara literal pada struktur nahu ayat menyebabkan banyak persoalan makna dalam bahasa Melayu tidak dapat dijelaskan dengan sepenuhnya dan sempurna. Hal ini kerana pemerian makna secara literal mengetepikan konteks dan input-input luaran yang hadir dalam sesuatu ayat ataupun ujaran, sedangkan sesuatu ayat atau ujaran itu disampaikan terhasil oleh suatu pemikiran yang kompleks dan rencam. Pemerian makna berlandaskan semantik bertambah sukar bagi persoalan ayat atau ujaran yang anomali tetapi telah sekian lama dituturkan oleh penutur jati. Oleh yang demikian, satu kajian telah dijalankan terhadap beberapa frasa KK + Obj dalam ayat ataupun ujaran berdasarkan data korpus atas talian dengan menggunakan teori relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson 1995. Berdasarkan teori relevans, persoalan frasa yang anomali ini akan dapat dijawab dengan lebih kritis dan praktis berdasarkan prinsip-prinsip dan idea yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson dalam teori relevans ini. Analisis pragmatik berlandaskan teori relevans ini akan membuktikan juga bahawa mekanisme kognitif manusia cenderung memilih secara spontan rangsangan yang relevans sahaja, mekanisme penerimaan pula cenderung mengaktifkan secara spontan andaian yang relevans sahaja dan mekanisme inferens cenderung memproses secara spontan rangsangan tersebut dengan cara yang paling produktif sahaja.

Kata kunci : anomali, teori relevans, mekanisme kognitif, mekanisme inferens.

## **Abstract**

*Research on meaning from the semantic point of view which describes*

*meaning literally at the sentence structure has caused many problems which have remained unsolved in the Malay language. Describing meaning at the semantic level gives only the literal meaning, which is out of contexts and devoid of external inputs of sentences or utterances. Describing meaning at the semantic level becomes more difficult in discussing anomalous phrases which have been used for many years by native speakers. A research, therefore, is carried out exploring a number of V+ O phrases in sentences based on an online corpus using the relevance theory as proposed by Sperber and Wilson (1986, 1995). It is thought that by using the relevance theory, the problems with regard to the anomalous phrases can be addressed in a critical and practical manner. Pragmatic analysis based on the relevance theory will also prove that the human cognitive mechanism tends to spontaneously choose the most relevant stimulus. Meanwhile, the receptor mechanism tends to activate the most relevant presumption while the inference mechanism tends to process spontaneously those stimulus in a very productive way only.*

## PENDAHULUAN

Beberapa pandangan tentang kepentingan elemen makna dalam bahasa telah diutarakan oleh berapa orang ahli bahasa, antaranya Akmajian (1995:223) yang berpendapat bahawa:

*Bahasa yang selalunya ditakrifkan sebagai suatu sistem yang lazim untuk komunikasi, iaitu suatu sistem untuk menyampaikan mesej dapat dilaksanakan dengan sempurna (dalam sistem ini) hanya kerana kata mempunyai makna tertentu. Oleh itu, untuk mencirikan sistem ini, iaitu bahasa, maka makna perlu dihuraiakan.*

George (1964) turut menegaskan kepentingan makna dan berpendapat bahawa:

... aspek makna haruslah diberi keutamaan kerana tanpa elemen makna, sesuatu ujaran atau tulisan tidak akan bererti atau dengan kata lain, komunikasi tidak akan tercapai dengan sepenuhnya.

(dalam Nathesan, 2001:1)

Pandangan yang sama turut diberikan oleh Akmajian (1995:225), dan menurut beliau:

*Oleh sebab penutur dapat menyatakan sesuatu maksud yang agak berbeza daripada makna kata-kata yang digunakan dan makna dapat*

*pula berbeza-beza mengikut dialek dan mengikut penutur individu, maka aspek makna perlu diberikan perhatian.*

Pandangan yang diberikan oleh para pengkaji bahasa seperti di atas jelas sekali menunjukkan bahawa aspek makna adalah antara bidang linguistik yang amat penting. Tanpa elemen makna, komunikasi tidak akan tercapai sepenuhnya.

Atas kepentingan yang dinyatakan seperti di atas, pengkaji berpendapat bahawa ada banyak lagi aspek makna yang belum diterokai sepenuhnya, dan antaranya ialah persoalan frasa dalam sesuatu ujaran yang digunakan dengan berleluasa sejak sekian lama walaupun jelas makna frasa tersebut bersifat anomali. Frasa yang dimaksudkan ialah beberapa frasa Kata Kerja + Objek. Walaupun frasa tersebut jelas bersifat anomali, namun belum ada satu kajian pun yang dijalankan bagi menangani persoalan ini. Hal ini demikian kerana pemerian makna sebelum ini yang berlandaskan pendekatan semantik hanya dapat memerikan makna secara literal, iaitu makna tatabahasa yang berasaskan struktur dan bentuk-bentuk linguistik sesuatu ujaran dan tidak lebih daripada itu. Batas kemampuan pemerian makna oleh bidang semantik ini dijelaskan oleh Frawley (1992) sebagai "kajian makna tatabahasa, literal dan ditentukan di luar konteks".

Pemerian makna kata ataupun ujaran secara literal yang mengetepikan konteks dan input-input luaran yang hadir dalam sesuatu ayat ataupun ujaran menyebabkan banyak persoalan tidak dapat dijelaskan dengan sempurna dan sepenuhnya.

Ketidakmampuan semantik menangani beberapa persoalan makna, khususnya yang memerlukan penglibatan konteks dan elemen-elemen bukan linguistik menyebabkan pragmatik perlu campur tangan mengisi kekosongan ini.

Dalam lingkungan teori makna, kajian pragmatik memberikan tumpuan utama terhadap makna implisit, inferens dan ujaran yang tidak terucap, dan cara struktur bahasa bertindak dalam latar belakang yang diandaikan dan yang disimpulkan. Pragmatik kini telah memainkan peranan penting dalam teori linguistik umum kerana ilmu ini mempunyai kandungan perkara asas yang intrinsik, sebahagiannya kerana ia menjanjikan penjelasan bagi fenomena lain linguistik dan sebahagian lagi sebagai tindak balas terhadap keunggulan yang berlebihan teori nahu semasa (contohnya: nahu generatif). Ilmu pragmatik juga kini telah menjadi suatu bidang yang melibatkan antara disiplin, dan sumbangan yang utama daripada falsafah bahasa, linguistik, psikologi dan sosiologi bahasa. Bagaimanapun, prag-

matik linguistik semasa memberikan tumpuan yang utama terhadap skop kajian hubungan antara makna linguistik dan konteks. Dalam skop yang lebih sempit, pragmatik tertumpu pada makna yang berasaskan konteks. Bagi Sperber dan Wilson (dalam Carston, 2002:2), kemunculan pragmatik kognitif, khususnya teori relevans telah membawa satu orientasi yang agak berbeza. Pragmatik di sini ialah kapasiti minda, sejenis sistem pemprosesan maklumat, suatu sistem bagi penginterpretasian fenomena yang tertentu di dunia, yang dikenali sebagai tingkah laku komunikatif manusia. Komponen teorinya juga agak berbeza daripada teori pragmatik oleh Grice dan penghuraian secara falsafah yang terdahulu, sebaliknya melibatkan pemprosesan kognitif yang sejajar, representasi input dan output, usaha pemprosesan dan kesan kognitif.

Atas kemampuan bidang pragmatik ini khususnya teori relevans, pengkaji percaya persoalan makna yang diajukan seperti tajuk di atas dapat dirangkaikan dan dijelaskan secara praktis dan sempurna.

### **Teori Relevans Sepintas Lalu**

Kajian ini didasari oleh teori relevans (TR) yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan diperkemas pada tahun 1995. Menurut Blakemore (1992:27), teori ini merupakan pendekatan terhadap komunikasi dan pemahaman ujaran yang didasari oleh pandangan umum tentang kognisi manusia. Bagi TR, dalam proses penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin (Sperber dan Wilson, 1995:49).

Dengan kata lain, dalam usaha memproses ujaran, pendengar berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevans secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif<sup>1</sup> yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih (dianggap sebagai kos memproses) untuk mencapai kesan yang dimaksudkan.

Relevans yang optimum ini diandaikan dapat dicapai oleh pendengar kerana S&W berpendapat bahawa:

*“Bagi mengatakan sesuatu proposisi itu membawa andaian relevans bermaksud proposisi itu membangkitkan kesan konteks yang diperlu-*

1 Sebelum *Relevance : Communication and Cognition* (1995) edisi kedua, istilah yang digunakan ialah kesan konteks.

*kan bagi mencapai relevans yang optimum.”*

(Carston dan Blakemore, 1999:7)

Tambah Sperber dan Wilson, setiap ujaran membangkitkan andaian relevans bukan kerana penutur diharapkan untuk mematuhi prinsip kerjasama dan maksim atau apa juga amalan komunikatif yang khusus, tetapi kerana matlamat untuk mencapai relevans merupakan ciri asas kognisi manusia, yang boleh dieksploitasi oleh penutur (2002:608).

Bagi mencapai relevans yang optimum, Sperber dan Wilson (2002:608) menjelaskan bahawa pendengar akan memproses sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevans pada seseorang individu pada suatu masa yang tertentu. Semua input yang relevans secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu dan berdasarkan syarat TR, sesuatu input adalah relevans pada seseorang individu hanya apabila pemrosesan input ini dalam konteks andaian yang ada menghasilkan kesan kognitif yang positif. Menurut Sperber dan Wilson (1995:3.1–3.2), kesan kognitif yang positif berbeza mengikut representasi seseorang individu terhadap dunia, kesimpulan yang benar misalnya merupakan kesan kognitif yang positif, kesimpulan yang palsu pula walaupun dianggap kesan kognitif tetapi bukan kesan kognitif yang positif.

Kesan kognitif yang paling penting yang dicapai melalui pemrosesan input dalam konteks ialah implikasi konteks, iaitu suatu kesimpulan yang dibuat berdasarkan gabungan antara input dan konteks, dan bukannya daripada input atau konteks sahaja.

Menurut Sperber dan Wilson, kesan kognitif positif ini berubah-ubah akibat maklumat baharu yang diterima oleh pendengar. Maklumat atau pun input baru yang diterima ini akan disesuaikan dengan andaian sedia ada pendengar melalui tiga cara, iaitu melalui penggabungan, pengukuhan andaian sedia ada dan pertentangan dan pengguguran andaian sedia ada untuk mencapai kesan kognitif positif.

## **Prinsip-prinsip TR**

TR digagaskan berdasarkan pandangan umum teori kognitif terhadap kognisi manusia yang sentiasa bermatlamatkan maklumat yang paling relevans dengan kos memproses yang minimum semasa memproses ujaran. Berdasarkan idea asas inilah maka, Sperber dan Wilson telah menggagas

dua prinsip relevans, iaitu prinsip tentang peranan relevans dalam kognisi dan komunikasi manusia. Pada awalnya, dalam edisi pertama '*Relevance: Communication and Cognition*', terdapat hanya satu prinsip relevans yang diketengahkan oleh Sperber dan Wilson (1995:155–163), iaitu:

### **i. Prinsip Relevans Kognitif**

- Kognisi manusia cenderung untuk mencapai relevans yang maksimum.

Prinsip ini merupakan idea asas yang mendasari TR. Menurut Sperber dan Wilson (2002:260–266) kecenderungan kognitif yang sejagat untuk memaksimumkan relevans menjadikan prinsip relevans ini berkemungkinan, dan sekurang-kurangnya untuk menjangkakan dan memanipulasi keadaan pemikiran penutur. Oleh sebab setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih hanya rangsangan (input) yang paling relevans dalam persekitarannya dan memproses input-input ini bagi mencapai relevans yang paling maksimum, maka penutur pula akan bertindak menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian, membantu menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dikehendaki. Tambah Sperber dan Wilson, penutur yang menggunakan rangsangan yang ostensif dapat mewujudkan andaian relevans yang lebih tepat dan yang dijangkakan kerana pendengar berpendapat bahawa rangsangan ostensif ini berbaloi diproses untuk mencapai relevans yang optimum.

Seterusnya dalam edisi kedua *Relevance: Communication and Cognition* (1995:266–271), satu lagi prinsip relevans telah ditambah, iaitu:

### **ii. Prinsip Relevans Komunikatif**

- Setiap tingkah laku komunikasi ostensif menyampaikan suatu andaian relevans yang optimum.

Menurut Sperber dan Wilson, Prinsip Relevans Komunikatif dan Relevans Optimum merupakan kunci kepada teori relevans pragmatik. Menurut mereka, rangsangan ostensiflah yang mewujudkan andaian relevan yang optimum melalui usaha memproses dan kesan konteks. Oleh itu, dalam edisi kedua ini, Sperber dan Wilson (1995:270) telah mengetengahkan formulasi baharu seperti yang berikut:

**iii. Andaian bagi Relevans yang Optimum:**

- a. Rangsangan ostensif cukup relevan bagi pendengar berusaha memprosesnya; dan
- b. Rangsangan ostensif adalah yang paling relevan dan bersesuaian dengan kebolehan dan pilihan penutur.

Berdasarkan klausa (a), relevans optimum dicirikan oleh rangsangan yang ostensif yang sekurang-kurangnya cukup relevan untuk diproses oleh pendengar dibandingkan dengan sebarang input alternatif yang lain pada masa itu.

Menurut klausa (b) pula, relevans yang optimum dicirikan oleh rangsangan ostensif yang paling relevan yang disampaikan oleh penutur dalam batas keupayaan dan pilihan penutur. Penutur perlu menjadikan rangsangan ostensif tersebut semudah mungkin bagi pendengar memahaminya dan menyediakan bukti yang bukan hanya untuk kesan kognitif yang dihajati untuk dicapai, tetapi juga sebagai kesan kognitif seterusnya yang perlu untuk menarik perhatian pendengar memahami matlamatnya. Hal ini kerana penutur itu sendiri bermatlamatkan maklumat yang disampaikannya difahami. Apabila penutur menghasilkan rangsangan ostensif yang paling relevan, yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (Sperber dan Wilson, 1995:266–278).

Kesimpulannya, TR ini merupakan teori yang menganggap interpretasi ujaran sebagai proses mental, iaitu kognisi manusia cenderung terarah untuk memaksimumkan relevan. Manakala prinsip relevans komunikatif pula (yang menegaskan bahawa rangsangan ostensif menyampaikan suatu andaian yang cukup optimum) merupakan suatu peraturan umum yang mematuhi prinsip relevans kognitif dan juga pandangan umum tentang komunikasi sebagai proses inferensi. Atas dasar inilah Sperber dan Wilson (2002:607) berpendapat bahawa setiap ujaran datang dengan jaminan relevansnya yang tertentu. Oleh itu, bagi memahami sesuatu ujaran bermaksud membuktikan kerelevanannya.

Ertinya setiap ujaran itu secara automatiknya mewujudkan jangkaan yang dapat memandu pendengar memahami makna penutur. Jangkaan ini datang dengan pelbagai rangsangan luaran dan dalaman sebagai input kepada proses kognitif (proses penginterpretasian). Input ini akan disesuaikan dengan maklumat latar belakang pendengar yang sedia ada (melalui proses 3 jenis kesan kognitif), untuk mencapai relevans yang

optimum. Sekiranya input ini relevan kepada pendengar semasa diproses dalam konteks andaian yang sedia ada maka kesan kognitif positif akan dicapai. Bagaimana pun kesan kognitif ini tidak datang percuma sebaliknya melibatkan usaha memproses yang dianggap sebagai kos terhadap pemrosesan ini.

## **Kekuatan TR**

Kekuatan TR ini untuk diterapkan dalam analisis kajian ini terletak pada idea asas yang mendasari teori ini, iaitu dalam proses penginterpretasian ujaran atau pun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin (Sperber dan Wilson, 1995:49) dan dua prinsipnya yang digagaskan berdasarkan pandangan umum tentang kognisi manusia dalam komunikasi. Berdasarkan prinsip relevans (kognitif), dijangkakan bahawa mekanisme persepsi manusia cenderung memilih secara spontan rangsangan yang relevan sahaja, mekanisme penerimaan pula cenderung mengaktifkan secara spontan andaian yang relevan sahaja dan mekanisme inferens juga cenderung memproses secara spontan rangsangan tersebut dengan cara yang paling produktif sahaja. Prinsip ini memberikan implikasi yang sangat penting terhadap proses komunikasi manusia kerana untuk berkomunikasi, penutur memerlukan perhatian pendengar, dan seperti yang dijangkakan oleh prinsip relevans komunikasi, perhatian pendengar cenderung secara automatik tertarik pada apa-apa yang relevan sahaja pada masa itu, dan kejayaan komunikasi bergantung pada penerimaan ujaran yang paling relevan untuk diproses oleh pendengar. Oleh sebab penutur berkehendakkan ujarannya difahami, komunikasinya berjaya, maka setiap tingkah laku komunikasinya mestilah menunjukkan bahawa penutur berkehendakkan ujarannya relevan pada pendengar (Sperber dan Noveck, 2004).

Penutur yang mahu akan ujarannya difahami mestilah mengekang interpretasi yang dibuat oleh pendengar dengan mengekang pemilihan konteks. Hal ini kerana pemilihan konteks yang betul dengan kos memproses yang minimum dianggap sebagai cara yang berkesan untuk mengekang penginterpretasian ujaran mengikut prinsip relevans (Blakemore, 1992:137).

Dengan kata lain, pemrosesan maklumat dalam komunikasi manusia memerlukan usaha mental untuk mencapai kesan kognitif. Usaha untuk memberikan perhatian, mengingatkan dan menaakul diperlukan dan suatu

kesan akan dicapai akibat proses pengubahan pada andaian atau pun kepercayaan pendengar melalui penambahan andaian baru, pengguguran andaian lama, dan perubahan dari segi darjah andaian atau kepercayaan lama.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa TR ini mempunyai kekuatannya dan keupayaannya yang tersendiri bagi diterapkan dalam kajian ini.

### **Perihal Korpus sebagai Sumber Data**

Secara umumnya, korpus boleh ditakrifkan sebagai “himpunan makalah (tulisan dan sebagainya) mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian (seperti kumpulan contoh penggunaan kata dan lain-lain)”

(Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1994:707)

Bagaimanapun, dalam konteks linguistik moden, korpus mempunyai pengertian tambahan sebagai bahan yang “terbacakan dan terolahkan komputer.”

Crystal (1991) mendefinisikan korpus sebagai koleksi data linguistik, sama ada teks bertulis atau transkripsi ucapan yang dirakamkan yang boleh digunakan sebagai titik permulaan pemerian linguistik atau sebagai cara mengesahkan hipotesis tentang bahasa.

Sinclair (1991) dengan ringkasnya mendefinisikan korpus sebagai koleksi teks bahasa yang terhasil secara semula jadi, dipilih untuk menandakan kepelbagaian bahasa.

Berdasarkan definisi yang diberikan di atas, maka korpus dapatlah ditakrifkan sebagai koleksi atau himpunan teks yang dikumpulkan mengikut prinsip-prinsip yang tertentu untuk tujuan yang tertentu. Korpus ini amat bernilai kerana komponennya membolehkan suatu kenyataan yang menyeluruh dibuat terhadap sesuatu bahasa. Kenyataan pengkategorian juga boleh dilakukan kerana korpus ini disusun dengan teratur mengikut kategori yang tertentu.

### **Rasional Penggunaan Data Korpus Dalam Talian**

Data korpus yang diperoleh secara dalam talian ini sebenarnya memungkinkan kajian ini memperoleh data yang banyak dalam masa yang singkat. Data yang diperoleh ini juga membolehkan satu kesimpulan

yang bersifat objektif dan empiris dibuat. Kajian tanpa sumber yang sahih dan nyata, yang dapat mewakili penggunaan bahasa penutur asli bahasa Melayu, tentunya akan mengimplikasikan dapatan yang tidak sahih dan tidak empiris juga. Hal ini sejajar dengan pendapat para sarjana sebelum ini, misalnya Leech (dlm. McEnery dan Wilson, 1996:87) yang menjelaskan bahawa kepentingan korpus dalam kajian bahasa sejajar dengan kepentingan data yang empiris.

## Paparan Data

Ujaran anomali yang dimaksudkan penulis dalam konteks perbincangan ini merujuk kepada beberapa ujaran ataupun ayat yang menggunakan frasa KK+ Objek. Data yang dikutip adalah daripada artikel surat khabar dan buletin atas talian. Penggunaan frasa seperti data di bawah merupakan sebahagian sampel daripada populasi yang cukup besar daripada pelbagai sumber. Fenomena penggunaan frasa ini dalam ujaran bahasa Melayu jelas membayangkan bahawa penggunaannya adalah sangat lazim dan tidak langsung membayangkan kejanggalan dari segi makna. Namun apabila ujaran ini diteliti dengan mendalam, jelas sekali frasa tersebut mendukung makna yang anomali. Penggunaannya yang telah sejak sekian lama, iaitu seawal sebelum merdeka hingga kini, tentulah didorong oleh sebab-musabab yang hanya diketahui oleh penutur-penutur jati itu sendiri. Dan bagi menjawab persoalan ini, penulis akan menganalisis data di bawah berdasarkan pendekatan pragmatik khususnya teori relevans.

Paparan data yang dikutip adalah seperti yang berikut:

### 1. **Menoreh getah**

- a. Minggu lalu, selama tiga hari mulai 17 Februari, pelajar antara-bangsa berkenaan berpeluang mengikuti program anak angkat di Kuala Ketil, Kedah dan diberikan pengalaman **menoreh getah**, hampir setiap hari.

([http://www1.uum.edu.my/nportal/penuh.html?page=main\\_penuh.html&idhebahan=11013](http://www1.uum.edu.my/nportal/penuh.html?page=main_penuh.html&idhebahan=11013))

- b. Dia sedih kerana dipinggirkan, malah tidak mendapat bantuan sesiapa termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melainkan hasil **menoreh getah**

([http://www.hmetro.com.my/Current\\_News/HM/Wednesday/Hati/20070117110314/Article/indexs\\_html](http://www.hmetro.com.my/Current_News/HM/Wednesday/Hati/20070117110314/Article/indexs_html))

- c. Apalah pekerjaan yang nampak olehnya seperti **menoreh getah**, berkuli di ladang, hendak menjadi peon, kerani, mata-mata dan lain-lain. Pada hal bukannya semuanya mahu dapat pangkat. Jikalau sekiranya satu pekerjaan peon kosong di mana-mana pejabat ada beratus-ratus orang datang meminta pekerjaan itu.

Majlis, 1 April 1935, p.12 dlm.

( <http://www.anu.edu.au/asianstudies/mcp/N/SK/146.html>)

- d. KUALA LUMPUR 9 Jan. Kementerian Perusahaan Utama akan memperkenalkan sistem terkini **menoreh getah** iaitu sistem Torehan Berfrekuensi Tinggi yang mampu meningkatkan pendapatan 80 peratus penoreh getah kecil negara.

(<http://161.139.39.251/akhbar/rubber/1998/um98110.htm>)

### **Menggali kubur**

- e. Terdapat seorang pemuda yang kerjanya **menggali kubur** dan mencuri kain kafan untuk dijual. Pada suatu hari, pemuda tersebut berjumpa dengan seorang ahli ibadah untuk menyatakan kekesalannya dan keinginan untuk bertaubat kepada Allah SWT.

(<http://www.mypendidik.net/portal/modules.php?name=News&file=article&sid=276>)

- f. Dia berkata, “Sepanjang aku **menggali kubur** untuk mencuri kain kafan, aku telah melihat 7 perkara ganjil yang menimpa mayat-mayat tersebut. Lantaran aku merasa sangat insaf atas perbuatanku yang sangat keji itu dan ingin sekali bertaubat.”

(<http://www.mypendidik.net/portal/modules.php?name=News&file=article&sid=276>)

- g. Mayat seterusnya diletakkan di atas tikar pandan. Ketika ini seorang lelaki diarahkan **menggali kubur** dan ditugaskan mengusung mayat ke kubur. Pengebumian akan dijalankan apabila semua ahli keluarga dan saudara-mara si mati sudah berkumpul.

(<http://malaysiana.pnm.my/01/0104030301swkbidayuhkematian.htm>)

- h. Kerja **menggali kubur** tu, kerja juga. Malah satu pekerjaan yang mulia. Setiap orang yang mati wajib dimandikan, dikapankan, wajib disembahyangkan dan wajib...

(<http://www.tutor.com.my/tutor/arkib2002.asp?e=SPM&s=BM&b=FEB&m=3&t=&r=g&i=PNP>)

### **Memasak nasi**

- i. Peserta telah **memasak nasi** goreng semasa pertandingan dengan menggunakan ramuan asas yang disediakan oleh pihak penaja dan mereka dibenarkan menggunakan ramuan istimewa untuk mengubah dan rasa ciptaan mereka.

(<http://www.tv3.com.my/press-detail.asp?id=31>)

- j. Setiap Subuh, tubuhnya menggeletar membangunkan diri. Bersahur. Bertemankan mentol bulat yang kebalaman dan kekuningan. Dia dan Ina mengisi perut. Ina **memasak nasi** di dapur kayu api.

(Cerpen: Cendol gula nipah di kaki bukit oleh Faridah Abd Hamid dlm. <http://www.bharian.com.my/m/BHarian/Sunday/Sastera/20061008111032/Article/>)

- k. Perjalanan berhenti rehat di Bukit Gantang, Perak, kami turun bergotong-royong **memasak nasi** dan makan sebelum teruskan perjalanan. Kemudian tiba di sana masak nasi sekali lagi di tepi laut.

(<http://www.kedah.gov.my/warta/Bil82001/Wawancara.html>)

### **Menjahit Baju**

- l. Saya sangat meminati bidang jahitan terutama **menjahit baju** kurung dan sebagainya. Semuanya membuat saya sangat seronok. Saya banyak membeli buku-buku ...

([www.alaf21.com.my/buletin\\_isnin/N\\_kak%20yam%20sj/N\\_sj%20kakyam.htm](http://www.alaf21.com.my/buletin_isnin/N_kak%20yam%20sj/N_sj%20kakyam.htm) - 107k -)

- m. "Lyn selalu **menjahit baju** untuk rakan-rakan Lyn yang hendak berkahwin. Ramai yang memuji rekaan Lyn," ujarnya mengenai inspirasi untuk membuka sebuah butik ...

(mstar.com.my/cms/content.jsp?id=com.tms.cms.article.Article\_13bba214-c0a85062-15a16d00-6f6885b0 - 51k)

- n. Selepas menamatkan SPM, dia mengambil upah **menjahit baju**. Kata Mak Su, **menjahit** adalah hobinya sejak dari sekolah rendah lagi. Kini ibu telah lama pergi. ...

(websekolah.bharian.com.my/websekolah/Skor/Khamis/Cerpen/20030703140328/Article/ - 11k)

- o. Mereka tidak boleh melakukan kerja-kerja seperti **menjahit baju**, bertukang atau menganyam. Mereka tidak boleh bersin di rumah si mati kerana ada kemungkinan ...

(malaysiana.pnm.my/01/0105020303sbhbajau\_lepasmati.htm - 19k)

### Analisis Data Frasa Anomali

Pada dasarnya, struktur frasa **menoreh getah, menggali kubur, memasak nasi, dan menjahit baju** tidak menyalahi rumus tatabahasa sedia ada kerana kata kerja **menoreh, menggali, memasak** dan **menjahit** kesemuanya ialah kata kerja transitif yang harus diikuti oleh objek, iaitu daripada golongan frasa nama sebagai pelengkap. Konstituen objek ini jelas telah diisi oleh golongan frasa nama seperti **getah, kubur, nasi** dan **baju**. Namun apabila frasa-frasa di atas diteliti dengan mendalam, didapati ada persoalan makna yang harus dibetulkan.

Makna yang didukung oleh frasa-frasa ini boleh dipertikaikan kerana makna frasa **menoreh getah, menggali kubur, memasak nasi, dan menjahit baju** seharusnya tidak dapat diterima logik akal manusia kerana frasa-frasa ini tidak mendukung makna konsep yang betul. Menoreh getah misalnya, seharusnya bukan *getah* yang mengisi konstituen objek kerana *getah* itu mendukung makna “1. **cairan pekat yang keluar daripada bermacam-macam pokok, 2. cairan yang keluar daripada pokok para atau pokok getah terutamanya apabila ditoreh pokoknya; 3. bahan kenyal atau memberi yang dibuat daripada susu getah dll ...**” (Kamus Dewan, 1994:401–402). Penggunaan *getah* sebagai objek bagi KKT **menoreh** menyebabkan makna frasa ini menjadi anomali kerana jika dilihat makna yang diberikan di atas, seharusnya bukan *getah* yang ditoreh sebaliknya **pokok getah**. **Getah** itu merupakan hasil yang

diperoleh daripada proses menoreh pokok getah tersebut. Hal yang sama berlaku pada frasa **menggali kubur, memasak nasi, dan menjahit baju**. Seharusnya bukan **kubur, nasi** dan **baju** yang mengisi konstituen objek bagi frasa kerja di atas kerana **kubur** mendukung makna “**1. tempat menanam mayat, makam; 2. lubang atau liang di tanah tempat menanam mayat**”; manakala **nasi** pula mendukung makna “**1. beras yang telah ditanak atau dikukus**” dan **baju** pula mendukung makna “**1. pakaian untuk menutup badan**”.

Makna yang didukung oleh setiap frasa nama yang mengisi konstituen objek di atas merujuk pada hasil/output terakhir yang diperoleh hasil daripada perbuatan seperti yang tersebut pada frasa kerja itu sendiri. Oleh sebab itu, penggunaan frasa nama seperti di atas bagi mengisi konstituen objek dalam frasa **menoreh getah, menggali kubur, memasak nasi, dan menjahit baju** menyebabkan makna frasa-frasa ini anomali. Seharusnya frasa kerja **menoreh** menerima objek frasa nama **pokok getah**, bukannya **getah, menggali** menerima objek frasa nama **tanah** bukannya **kubur, memasak** menerima objek frasa nama **beras** dan bukannya **nasi** dan **menjahit** pula menerima objek frasa nama **kain** dan bukannya **baju**.

Persoalan yang diketengahkan ini sebenarnya ada dibincangkan oleh Za'ba (1965:196). Beliau menggolongkan frasa kerja seperti di atas sebagai *kiasan melompat*, iaitu suatu jenis kiasan berpindah yang melangkah satu tingkat atau lebih daripada perkataan asal kepada perkataan kiasan yang telah terbit itu. Secara khusus, golongan frasa seperti **menoreh getah, menggali kubur, memasak nasi, dan menjahit baju** dijelaskan sebagai melompat kepada kesudahan yang dimaksudkan seperti yang berikut:

- i. memasak nasi (iaitu memasak beras jadi nasi)
- ii. mencucuk atap (iaitu mencucuk daun jadi atap)

Menurut Za'ba lagi, kiasan melompat ini bukan jadinya daripada bandingan atau keserupaan, hanya daripada kehampiran dan perhubungan antara dua benda, apabila teringat yang satunya teringat pula yang satu lagi. Misalnya, apabila teringat akan kain yang digunting jadi baju lalu teringat terus akan bajunya yang telah siap.

Penjelasan Za'ba tentang persoalan ini merupakan penjelasan berasaskan pengamatannya terhadap akal manusia yang dapat menerima makna yang dikonsepsikan oleh **nasi, atap, baju** ataupun **getah**, sebagai menggantikan **beras, daun, kain** dan **pokok getah**. Ertinya makna konsep yang sebenar frasa **beras, daun, kain** dan **pokok getah** dikiaskan pada **nasi, atap, baju** dan **getah**. Cuma penjelasan Za'ba dianggap bersifat umum kerana ia tidak didasari oleh mana-mana pendekatan atau teori

yang dapat dianggap empiris dan praktis.

Persoalan makna frasa yang anomali ini sehingga kini nyata belum dapat ditangani kerana ilmu semantik hanya dapat memerikan makna secara literal, iaitu makna tatabahasa yang berasaskan struktur dan bentuk-bentuk linguistik sesuatu ujaran dan tidak lebih daripada itu. Sedangkan dalam persoalan makna anomali seperti di atas, beberapa elemen lain seperti konteks, kemampuan kognitif penutur jati dan pengalaman serta pengetahuan latar belakang penutur perlu dipertimbangkan bagi menangani isu ini. Yang jelas, tentulah ada sebab musababnya kenapa penutur jati menggunakan frasa sebegini sejak sekian lama hingga hari ini tanpa ada yang mempertikaikan kejanggalan makna frasa ini. Semua penutur jati seakan-akan akur dan memahami makna yang ingin disampaikan oleh frasa-frasa ini.

Bagi menangani persoalan ini, ilmu pragmatik, khususnya teori relevans dipercayai dapat menjelaskan dengan perinci dan sempurna mengapa dan kenapa frasa-frasa sebegini digunakan sehingga hari ini.

Bagi TR yang bermatlamat menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, menggagas bahawa kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin (Sperber dan Wilson, 1995:49).

Dengan kata lain, dalam usaha memproses ujaran, pendengar berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevan secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif<sup>2</sup> yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih (dianggap sebagai kos memproses) untuk mencapai kesan yang dimaksudkan.

Pandangan umum tentang kognisi manusia yang mendasari TR ini sebenarnya sudah cukup untuk menjawab persoalan frasa **menoreh getah, menggali kubur, memasak nasi, dan menjahit baju** yang dianggap anomali ini. Frasa-frasa ini sebenarnya digunakan oleh para penutur jati Melayu kerana mereka bermatlamatkan relevans. Ertinya penggunaan frasa-frasa kerja di atas bukanlah sewenang-wenang sebaliknya disebabkan oleh ciri kognisi penutur itu sendiri yang bermatlamatkan relevans yang optimum. Sekiranya frasa-frasa tersebut diujarkan dengan cara yang sepatutnya, misalnya **menoreh pokok getah untuk mendapatkan**

---

2 Sebelum *Relevance : Communication and Cognition* (1995) edisi kedua, istilah yang digunakan ialah kesan konteks.

**susu getah**, atau **memasak beras agar menjadi nasi**, **menggali tanah untuk dijadikan kubur** dan **menjahit kain untuk dijadikan baju** maka kesannya ujaran tersebut akan menjadi lebih panjang, dan pendengar pula perlu meluangkan masa yang lebih panjang daripada masa yang diambil untuk menginterpretasikan frasa-frasa **menoreh getah**, **menggali kubur**, **memasak nasi**, dan **menjahit baju** tadi. Ujaran yang lebih panjang ini, secara tidak langsung akan meningkatkan kos ataupun usaha memproses dalam proses penginterpretasian. Walaupun tidak dinafikan penggunaan frasa seperti **menoreh pokok getah untuk mendapatkan susu getah** dan sebagainya difahami oleh pendengar namun penggunaan frasa **menoreh getah**, **menggali kubur**, **memasak nasi**, dan **menjahit baju** lebih ekonomis dan lebih mudah ditanggapi serta dapat menjimatkan usaha pendengar untuk memikirkan bentuk inferens yang perlu dilakukan bagi mencapai maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Hal ini sejajar dengan kenyataan Sperber dan Wilson tentang relevans dalam TR, iaitu 'relevans ialah persoalan darjah kerelevanan'.

Penggunaan frasa **menoreh getah**, **menggali kubur**, **memasak nasi**, dan **menjahit baju** sebenarnya menyebabkan penutur Melayu juga secara tidak langsung mematuhi prinsip-prinsip relevans yang digagaskan oleh TR. Hal ini demikian kerana penggunaan frasa **menoreh getah**, **menggali kubur**, **memasak nasi**, dan **menjahit baju** merupakan bentuk ujaran yang lebih ostensif dibandingkan dengan **menoreh pokok getah untuk mendapatkan susu getah**, atau **memasak beras agar menjadi nasi**, **menggali tanah untuk dijadikan kubur** dan **menjahit kain untuk dijadikan baju**. Menurut TR, oleh sebab setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih hanya rangsangan (input) yang paling relevans dalam persekitarannya dan memproses input-input ini bagi mencapai relevans yang paling maksimum, maka penutur pula akan bertindak menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian, membantu menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dikehendaki. Tambah Sperber dan Wilson, penutur yang menggunakan rangsangan yang ostensif dapat mewujudkan andaian relevans yang lebih tepat dan yang dijangkakan kerana pendengar berpendapat bahawa rangsangan ostensif ini berbaloi diproses untuk mencapai relevans yang optimum. Dengan kata lain, bagi penutur jati Melayu, frasa **menoreh getah**, **menggali kubur**, **memasak nasi**, dan **menjahit baju** adalah lebih ostensif, paling relevans dan semudah mungkin bersesuaian dengan kebolehan dan pilihan penutur. Oleh sebab itulah penutur jati Melayu menggunakan frasa **menoreh getah**, **menggali kubur**, **memasak nasi**, dan **menjahit baju** dan bukannya

**menoreh pokok getah untuk mendapatkan susu getah, atau memasak beras agar menjadi nasi, menggali tanah untuk dijadikan kubur dan menjahit kain untuk dijadikan baju.**

Berdasarkan prinsip relevans (kognitif) juga, dijelaskan bahawa mekanisme persepsi manusia cenderung memilih secara spontan rangsangan yang relevans sahaja, mekanisme penerimaan pula cenderung mengaktifkan secara spontan andaian yang relevans sahaja dan mekanisme inferensi juga cenderung memproses secara spontan rangsangan tersebut dengan cara yang paling produktif sahaja. Prinsip ini memberikan implikasi yang sangat penting terhadap proses komunikasi manusia kerana untuk berkomunikasi, penutur memerlukan perhatian pendengar, dan seperti yang dijangkakan oleh prinsip relevans komunikasi, perhatian pendengar cenderung secara automatik tertarik pada apa-apa yang relevans sahaja pada masa itu, dan kejayaan komunikasi bergantung pada penerimaan ujaran yang paling relevans untuk diproses oleh pendengar. Oleh sebab penutur berkehendakkan ujarannya difahami, komunikasinya berjaya, maka setiap tingkah laku komunikasinya mestilah menunjukkan bahawa penutur berkehendakkan ujarannya relevans pada pendengar (Sperber dan Noveck, 2004).

Huraian ini jelas terpakai bagi menjawab kenapa penutur Melayu menggunakan frasa-frasa seperti **menoreh getah, menggali kubur, memasak nasi, dan menjahit baju** sejak sekian lama sehingga hari ini. Tanpa kita sedari, kognitif bangsa Melayu sudah sekian lama mematuhi prinsip-prinsip relevans seperti yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson dalam berkomunikasi, cuma kini persoalan ini dapat dijelaskan dengan perinci berdasarkan idea dan gagasan serta prinsip-prinsip teori relevans oleh Sperber dan Wilson.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan huraian di atas, jelas sekali bahawa bahasa tidak digunakan sewenang-wenangnya oleh penutur sesuatu bahasa, sebaliknya digunakan sebagai ekspresi seorang penutur untuk menyatakan suatu pemikiran yang dimaksudkannya. Bagi teori relevans, bahasa yang disampaikan ini sebenarnya memenuhi suatu prinsip komunikasi yang didasari oleh ciri asas kognisi manusia yang sentiasa bermatlamatkan maklumat yang paling relevans dengan kos memproses yang minimum semasa memproses ujaran.

Hakikat bahawa sifat kognitif manusia yang cenderung untuk memilih

rangsangan yang paling relevans dengan persekitaran maka penutur pula mestilah sedaya upaya menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian dan membolehkan pendengar memperoleh andaian konteks dengan segera dan menjurus pada kesimpulan yang dihajatkan oleh penutur. Atas dasar ini jugalah maka frasa-frasa seperti **menoreh getah, menggali kubur, memasak nasi, dan menjahit baju** digunakan oleh penutur jati Melayu bagi menjadikan ujarannya bersifat ostensif, iaitu jelas dan terang dan membangkitkan andaian relevans yang tepat dan boleh diramalkan. Penutur yang menggunakan rangsangan yang ostensif dapat mewujudkan andaian relevans yang lebih tepat dan yang dijangkakan kerana pendengar berpendapat bahawa rangsangan ostensif ini berbaloi diproses untuk mencapai relevans yang optimum.

## RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir* (edisi baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Hj. Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blakemore, D., 1992. *Understanding Utterances*. Oxford: Blackwell.
- Blakemore, D., 1995. "Relevance Theory" dlm. Verschueren, J.-O, Ostman dan Blommaert, J. J. (ed.) *Handbook of Pragmatics*. Amsterdam: John Benjamins, hlm. 443–452.
- Carston, R., 1998. "The Semantics/Pragmatics Distinction: A View from Relevance Theory" dlm. *UCL Working Papers in Linguistics*, 10, hlm. 53–80.
- Carston, R., 2002b. *Thoughts and Utterances*. Oxford: Blackwell.
- Frawley, W., 1992. *Linguistic Semantics*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Gibbs, R.W., 2002. "A New Look at Literal Meaning in Understanding What is Said and Implicated" dlm. *Journal of Pragmatics*, 34:4, hlm. 457–486.
- Horn dan Ward, 1999. "Pragmatics" dlm. Wilson, R dan Keil, F (ed.). *The MIT Encyclopedia of the Cognitive Sciences*. Cambridge: MIT Press, hlm. 661–664.
- Katz, J.J., 1987. "Common Sense in Semantics" dlm. Lepore, Ernest (ed.) *New Directions in Semantics*. London: Academic Press, hlm.157–233.
- Kamus Dewan*, 1994. (edisi ketiga).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, J., 1995. *Linguistic Semantics. An Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2004. *Tatabahasa Dewan* (Edisi Baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nor Hashimah Jalaluddin, 1990. "Semantik dan Pragmatik dalam Teori Relevans" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34:6, hlm. 450–459
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1998. "Bahasa, Sosialisasi dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori Relevans" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42:12, hlm. 1084–1093.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F.R., 1989. *Semantik*. Diterjemah oleh Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: USM dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>3</sup>Recanati, F., 2002. "Pragmatics and Semantics" dlm. Horn, L. dan Ward, G. (ed.) *Handbook of Pragmatics*. Oxford : Blackwell.
- Sperber, D. dan Wilson, D., 1995. *Relevance: Communication and Cognition* (edisi kedua). Oxford: Blackwell
- Sperber, D. dan Wilson, D., 1998. "Mutual Knowledge and Relevance in Theories of Comprehension" dlm. Asa Kasher (ed.) *Pragmatics Critical Concepts. Vol IV: Presupposition Implicature and Indirect Speech Acts*. London and New York: Routledge, hlm. 369–382
- Sperber, D. dan Noveck, I., 2004. "Introduction" dlm. Noveck, I. dan Sperber, D. (ed.) *Experimental Pragmatics*. Palgrave, hlm. 1–22.
- Wilson, D., 1994. "Relevance and Understanding" dlm. G. Brown, K. Malmkjær, A. Pollit dan J. Williams (ed.) *Language and Understanding*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 35–58.
- Wilson, D. dan Sperber, D., 1990. "Representation and Relevance" dlm. Kempson, R.M (ed.) *Mental Representations: The Interface between Language and Reality*. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 133–153.
- Wilson, D. dan Sperber, D. 1993. "Linguistic Form and Relevance" dlm. *Lingua*, 90, hlm. 1–25.
- Wilson, D. dan Sperber, D., 2004. "Relevance Theory" dlm. Ward, G dan Horn, L. (ed.) *Handbook of Pragmatics*. Oxford: Blackwell, hlm. 607–632.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III* (Edisi Baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.